A

AZWEL MOHD ALI

lwn.

PP

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
RAMLY ALI HMR
AZHAR MA'AH HMR
ABDUL AZIZ ABDUL RAHIM HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: S-05-325-2010]

C

15 MEI 2012

PROSEDUR JENAYAH: *Pertuduhan - Pertuduhan alternatif - Tertuduh mengaku bersalah - Sama ada hukuman patut dikurangkan - Sama ada hukuman yang dikenakan berlebihan - Sama ada*

D

pertimbangan kepentingan dan keselamatan awam berjaya dihakis

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Hukuman - Rayuan terhadap hukuman - Kanun Keseksaan, s. 304(a) - Homisid salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh - Tertuduh mengaku bersalah - Rayuan terhadap hukuman - Sama ada hukuman berlebihan berbanding*

E

kesalahan - Sama ada tempoh masa hukuman cukup untuk memulihkan perayu

Pada hari kejadian, perayu yang berumur 17 tahun, dan si mati, telah duduk berbual sambil menghidu gam. Perayu juga sedang

F

meminum 'montoku', sejenis minuman yang memabukkan sekiranya diminum dengan banyak dan kedua-dua mereka saling cabar-mencabar satu sama lain untuk bergaduh. Pergaduhan tercetus antara si mati dan perayu, melibatkan penggunaan tangan, tin gam dan juga botol. Saksi kejadian memberi keterangan bahawa perayu

G

dan dua yang lain telah memukul si mati dan setelah dimarahi, mereka pulang ke rumah masing-masing. Namun begitu, perayu datang semula ke tempat kejadian dan si mati membaling batu untuk mengusirnya. Balingan batu tersebut mengena belakang perayu, menyebabkannya terjatuh. Semasa jatuh, sebilah gunting

H

terjatuh keluar daripada poket perayu dan perayu mengambil gunting tersebut lalu menikam bahagian dada dan perut si mati. Setelah menjalani pembedahan di hospital, si mati meninggal dunia dua hari kemudian. Bedah siasat menunjukkan bahawa terdapat empat tikaman di badan si mati dan salah satu tikaman tersebut

I

telah menusuk jantung si mati hingga menyebabkan kematiannya. Pada asalnya, tertuduh telah didakwa di bawah s. 302 Kanun Keseksaan atas kesalahan membunuh. Namun begitu, pertuduhan tersebut dipinda di bawah s. 304(a) di bawah Kanun yang sama

dan perayu mengaku bersalah atas pertuduhan pindaan tersebut di mana dia dijatuhkan hukuman penjara sepuluh tahun. Dalam rayuan ini, perayu merayu terhadap hukuman tersebut dan memohon agar dihantar ke Sekolah Henry Gurney di bawah s. 76 Akta Kanak-kanak 2001 hingga mencapai umur 21 tahun atau secara alternatif, dikenakan hukuman penjara minima dari tarikh tangkapan.

Diputuskan (menolak rayuan; mengekalkan perintah Mahkamah Tinggi)
Oleh Ramly Ali HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Kepentingan awam mengatasi kepentingan peribadi. Pertimbangan bahawa perayu berumur 17 tahun 2 bulan semasa kesalahan dilakukan dan bahawa dia merupakan seorang pesalah pertama tidak dapat menghakiskan pertimbangan kepentingan dan keselamatan awam berkaitan suatu kesalahan yang sangat serius, yang patut diberikan keutamaan bagi menetapkan hukuman ke atas perayu. (perenggan 17 & 29)

(2) Pesuruhjaya Kehakiman telah menimbangkan pertimbangan-pertimbangan yang perlu dipertimbangkan secara sah di sisi undang-undang sebelum menjatuhkan hukuman. Mahkamah Rayuan tiada sebab untuk campurtangan dalam hukuman tersebut kerana ia bukan 'manifestly inadequate or excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed'. (perenggan 14)

(3) Perayu gagal meyakinkan mahkamah bahawa hukuman sepuluh tahun penjara yang dikenakan oleh Mahkamah Tinggi, adalah 'excessive' memandangkan hukuman maksima bagi setiap kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan telah dinaikkan oleh Parlimen daripada 20 tahun penjara kepada 30 tahun penjara serta denda. Perayu juga gagal meyakinkan mahkamah bahawa hukuman yang dikenakan adalah 'illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed or that the court has clearly erred in applying correct principles in the assessment of sentence'. (perenggan 16)

(4) Sesuatu hukuman 'deterrence' bukan sahaja menghalang perayu daripada mengulangi kesalahannya tetapi juga menghalang orang lain daripada melakukan kesalahan yang sama. Hukuman bercirikan 'rehabilitation' pula bertujuan untuk

memulihkan perayu menjadi orang yang baik dan dapat diterima oleh masyarakat selepas menjalani hukuman berkenaan. Perayu sudah berumur 19 tahun 6 bulan ketika pendengaran rayuan. Sekiranya permohonan perayu dibenarkan, beliau hanya perlu berada di Sekolah Henry Gurney bagi tempoh satu tahun enam bulan. Ini adalah tempoh yang singkat dan tidak mencukupi untuk memulihkan perayu. (perenggan 21 & 35)

***English** Translation Of Headnotes*

The appellant, aged 17 years, and the deceased, were chatting while sniffing glue, on the eventful day. The appellant was also drinking 'montoku', a beverage that can be intoxicating when taken in a big quantity and they were both challenging each other to a fight. A fight ensued between the two which involved usage of hands, glue cans and bottles. The witness testified that the appellant and two others had struck the deceased and when scolded, they returned to their respective homes. However, the appellant came back to the scene and the deceased threw a stone to dispel him off. The stone hit the appellant's back and caused him to fall. As the appellant fell, a pair of scissors fell out of his pocket and he then took the scissors and stabbed the deceased's chest and stomach. The deceased died two days after undergoing a surgery at the hospital. A post-mortem revealed that there were four stab wounds on the deceased's body and one of the stab wounds had pierced the deceased's heart, causing his death. The accused was initially charged under s. 302 of the Penal Code for the offence of murder. However, the charge was amended under s. 304 (a) of the same Code and the appellant pleaded guilty to the amended charge whereby he was sentenced to ten years' imprisonment. In the present appeal, the appellant appealed against the sentence and for him to be sent to Henry Gurney School under s. 76 Children Act 2001 until the age of 21 years, or alternatively, that he be sentenced to a minimum jail term commencing from the date of arrest.

Held (dismissing appeal; affirming order of the High Court) Per Ramly Ali JCA delivering the judgment of the court:

(1) Public interest prevailed over self interest. The consideration that the appellant was 17 years and 2 months old when he committed the offence and that he was a first offender did not diminish the consideration of public interest and safety in relation to a very serious offence, which should be given priority in sentencing the appellant.

(2) The Judicial Commissioner had properly considered all considerations that ought to be legally considered before pronouncing the sentence. The Court of Appeal had no grounds to intervene in the sentence as it was not 'manifestly inadequate or excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed'.

(3) The appellant failed to convince the court that the ten-year imprisonment sentence imposed by the High Court was 'excessive', as the maximum penalty for an offence under s. 304 (a) of the Penal Code had been raised from 20 years to 30 of years imprisonment and a fine, by Parliament. The appellant also failed to convince the court that the sentence imposed was 'illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed or that the court has clearly erred in applying correct principles in the assessment of sentence'.

(4) A deterrent sentence would not only prevent the appellant from repeating his mistake but also deter others from committing a similar offence. A sentence that is rehabilitative in nature is intended to rehabilitate the appellant to be a good citizen and enable him to be accepted by society, after serving his sentence. The appellant was 19 years and 6 months old at the time of the hearing of the appeal. If the application was allowed, he would be at the Henry Gurney School for a period of one year six months. This is too short a period and insufficient to rehabilitate the appellant.

Kes-kes yang dirujuk:

Bhandulananda Jayatilake v. PP [1981] 1 LNS 139 FC ***(refd)***
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2002] 3 CLJ 457 FC ***(refd)***
Mohamad Abdullah Ang Swee Kang v. PP [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209 SC ***(refd)***
PP v. Ahmad Khairul Fa'ais Mat Dahlan & Ors [2006] 6 CLJ 555 HC ***(refd)***
PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 HC ***(refd)***
PP v. Low Kian Boon & Ors [2006] 3 CLJ 649 HC ***(refd)***
PP v. Teh Ah Cheng [1976] 1 LNS 116 HC ***(refd)***
Reg v. JH Sargent [1975] 60 Cr App R 74 ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:

Child Act 2001, s. 76
Penal Code, ss. 302, 304(a)

Bagi pihak perayu - Hamid Ismail; T/n Hamid & Co
Bagi pihak responden - Mohamad Abazafree Mohd Abas (PG Cyril PG Chandradasa bersamanya) TTPR

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu; Perbicaraan Jenayah No: K45-12-2009]

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Ramly Ali HMR:

[1] Pada asalnya, perayu telah didakwa di bawah s. 302 Kanun Keseksaan kerana melakukan pembunuhan terhadap Mohamad Kahairul Azhar (si mati). Sebelum perbicaraan dimulakan pada 24 Ogos 2010, Timbalan Pendakwa Raya telah mengemukakan pertuduhan pindaan di bawah s. 304(a) Kanun yang sama. Perayu telah mengaku salah ke atas pertuduhan pindaan tersebut dan Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, Sabah telah menjatuhkan hukuman sepuluh tahun penjara dari tarikh tangkap (10 Januari 2010).

[2] Perayu tidak berpuashati dengan hukuman tersebut dan memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan. Rayuan perayu hanya terhadap hukuman sahaja.

Fakta Ringkas

[3] Pada 10 Januari 2010 lebih kurang jam 5 petang si mati dan perayu duduk berbual di bawah rumah sambil menghidu gam. Perayu juga sedang minum "Montoku". Mereka cabar mencabar antara satu sama lain untuk bergaduh. Pergaduhan terjadi di padang berhampiran. Mereka bergaduh menggunakan tangan, tin 'glue' (gam), dan juga botol. Bila si mati membaling botol ke arah perayu, perayu lari dan botol itu tidak mengena sasarannya. Keterangan saksi mengatakan perayu bersama-sama dua orang lain memukul si mati. Saksi tersebut memarahi mereka yang bergaduh dan menyuruh mereka balik ke rumah. Mereka seterusnya balik ke rumah.

[4] Tidak berapa lama kemudian perayu datang semula ke tempat kejadian untuk bertemu si mati. Si mati mengusir perayu dan membaling batu ke arah perayu. Balingan batu tersebut terkena belakang perayu dan akibatnya perayu terjatuh. Semasa terjatuh, sebilah gunting terjatuh daripada poket perayu. Perayu mengambil

gunting tersebut dan menikam si mati di bahagian dada. Perayu menolak si mati dan menikam lagi perut si mati menggunakan gunting yang sama. Si mati berdarah dan perayu lari meninggalkan tempat kejadian dan gunting berkenaan dibuang. Si mati cuba untuk berlari balik ke rumah neneknya yang berdekatan dengan tempat kejadian, tetapi jatuh di pertengahan jalan.

[5] Si mati dihantar ke Hospital Kudat dan selepas itu dipindahkan ke Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu. Pembedahan telah dijalankan, tetapi malangnya si mati meninggal dunia pada 12 Januari 2010 jam 1.20 petang. Post-mortem menunjukkan terdapat empat tikaman di badan si mati, di mana satu tikaman tersebut menusuk ke jantungnya, dan ianya menyebabkan kematian beliau. Tikaman tersebut adalah daripada senjata tajam seperti gunting.

[6] Di atas pengakuan fakta yang dibacakan mahkamah telah mendapati perayu bersalah dan mengsabitkannya dengan kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan seperti yang didakwa.

[7] Sebagai mitigasi, peguam perayu telah menghujahkan butir-butir berikut:

(a) Perayu telah mengaku salah. Pengakuan salah menjimatkan masa mahkamah;

(b) Perayu merupakan seorang 'youthful offender' berumur 17 tahun 2 bulan semasa kejadian berlaku;

(c) Kesalahan berlaku bukan merupakan sesuatu yang 'pre-meditated'; penggunaan gunting bukan sesuatu yang diniatkan, gunting tersebut digunakan apabila perayu diserang dengan batu oleh si mati;

(d) Perayu sentiasa bekerjasama dengan pihak polis semasa penyiasatan dijalankan; dan

(e) Perayu telah insaf dan menyesal; dan berazam tidak lagi mengulangi kesalahan serupa di masa akan datang.

[8] Peguam perayu memohon agar perayu (sebagai 'youthful offender') dihantar ke Sekolah Henry Gurney di bawah s. 76 Akta Kanak-Kanak 2001, sehingga perayu mencapai umur 21 tahun.

[9] Secara alternatif, sekiranya mahkamah memutuskan tidak menghantar perayu ke Sekolah Henry Gurney, peguam perayu memohon agar perayu dikenakan hukuman penjara, minima iaitu lima tahun dari tarikh tangkap.

[10] Pihak Timbalan Pendakwa Raya, memohon hukuman berbentuk 'custodial sentence' yang setimpal dengan kesalahan perayu yang telah menyebabkan kehilangan suatu nyawa. Timbalan Pendakwa Raya telah menghujahkan butir-butir berikut:

(a) hukuman maksima di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan ialah 30 tahun penjara dan denda; kesalahan tersebut adalah merupakan suatu kesalahan yang sangat serius;

(b) hukuman mestilah merupakan hukuman yang 'deterrent';

(c) kepentingan awam (public interest) merupakan pertimbangan utama yang perlu dipertimbangkan sebelum mahkamah menjatuhkan sesuatu hukuman; begitu juga kepentingan keluarga si mati;

(d) walaupun perayu berumur 17 tahun 2 bulan semasa kesalahan dilakukan dan juga beliau tidak mempunyai rekod kesalahan jenayah sebelumnya ia tidak begitu kuat untuk mengenepikan pertimbangan kepentingan awam dan juga memandangkan kesalahan yang dilakukan adalah satu kesalahan yang sangat serius.

[11] Semasa menjatuhkan hukuman Pesuruhjaya Kehakiman, telah menyatakan seperti berikut:

> In passing sentence, I take into consideration that you have pleaded guilty to the charge and that you have regretted what you have done. I take into consideration the facts of the case, your age, your family background; you are a first offender, and public interest.
>
> I note that at the time of the offence you were not in school, you were not employed and you were involved in glue sniffing with your friends from the kampung.
>
> I note that you come from a big and poor family where your father is a laborer, your eldest brother is unemployed and has a record for theft, and you have 2 other brothers who are unemployed and not doing anything.

In passing sentence, I take into consideration the gravity of the offence. You have taken the life of your friend in a fight which was not necessary. You should have thought about this instead of regretting about it later on. You should have thought of the pain and suffering you have caused to the family of the deceased.

In passing sentence, I consider the submissions of both counsel and prosecution and your plea for a lenient sentence.

I sentence you to 10 years imprisonment from the date of arrest.

Di Mahkamah Rayuan

[12] Di mahkamah ini, kedua-dua pihak perayu dan Timbalan Pendakwa Raya mengulangi hujahan-hujahan yang sama seperti yang telah dihujahkan di Mahkamah Tinggi. Peguam perayu tetap memohon agar perayu di hantar ke Sekolah Henry Gurney di bawah s. 76 Akta Kanak-Kanak 2001 sehingga beliau mencapai umur 21 tahun atau secara alternatif, perayu dikenakan hukuman penjara minima ie, lima tahun penjara dari tarikh tangkap (10 Januari 2010).

[13] Timbalan Pendakwa Raya juga mengulangi hujahan yang sama dengan penekanan lebih kepada mahkamah patut memberi keutamaan kepada kepentingan awam; kepentingan awam mengatasi kepentingan peribadi; dan jenis kesalahan yang dilakukan adalah suatu kesalahan yang sangat serius, yang menyebabkan kehilangan nyawa yang juga menjejaskan kepentingan keluarga si mati.

[14] Setelah menimbangkan hujahan-hujahan kedua-dua pihak dan juga alasan penghakiman Pesuruhjaya Kehakiman berkenaan, mahkamah ini berpendapat Pesuruhjaya Kehakiman telah pun menimbangkan pertimbangan-pertimbangan yang perlu dipertimbangkan secara sah di sisi undang-undang sebelum menjatuhkan hukuman berkenaan. Mahkamah Rayuan tiada sebab untuk mencampur tangan di dalam hukuman tersebut memandangkan hukuman tersebut bukan "manifestly inadequate or excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed." Ketegasan ini adalah selaras dengan keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [2002] 3 CLJ 457 di mana Mohamed Dzaidin CJ pernah memutuskan seperti berikut:

A ... It is of the upmost importance to stress here that the appellate court will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence passed by the lower court is manifestly inadequate or excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed or that the court has clearly erred in applying disclosed or that the court has clearly erred in applying correct principles in the assessment of sentence, see *Public Prosecutor v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102.

[15] Keengganan mahkamah ini untuk campur tangan di dalam hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah Tinggi di dalam kes ini adalah juga berlandaskan kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v. PP* [1981] 1 LNS 139 yang menyatakan:

D Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. It is for that reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed a different sentence is not sufficient, *per se*, to warrant this court's interference.

E

[16] Di dalam kes ini pihak perayu telah gagal meyakinkan mahkamah ini yang hukuman sepuluh tahun penjara yang dikenakan oleh Mahkamah Tinggi setelah mengambil kira fakta sekeliling kes berkenaan, adalah 'excessive' memandangkan hukuman maksima bagi setiap kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan telah pun dinaikkan oleh Parlimen daripada 20 tahun penjara kepada 30 tahun penjara serta denda. Perayu juga gagal meyakinkan mahkamah ini bahawa hukuman yang dikenakan merupakan sesuatu yang "illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed or that the court has clearly erred in applying correct principles in the assessment of sentence.

[17] Mahkamah Tinggi dan juga mahkamah ini telah mengambil kira bahawa di dalam kes ini terdapat isu kepentingan awam (public interest) dan juga isu kepentingan peribadi perayu yang perlu dipertimbangkan sebelum hukuman dikenakan. Walau bagaimanapun Mahkamah Tinggi dan juga mahkamah ini telah memakai prinsip bahawa kepentingan awam mengatasi kepentingan peribadi.

[18] Di dalam kes *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102, Hashim Yeop Sani J, pernah memutuskan: A

> One of the main considerations in the assessment of sentence is of course the question of public interest. On this point I need only quote a passage from the judgment of Hilbery J in *Rex v. Kenneth John Ball* as follows: B
>
> > In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest ...

[19] Di dalam mengenakan hukuman terhadap perayu di dalam kes ini, mahkamah ini bersetuju bahawa Mahkamah Tinggi telah melaksanakan pertimbangan yang betul seperti yang pernah digariskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Mohd Abdullah Ang Swee Kang v. PP* [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209 seperti berikut: C D

> In assessing the length of custodial sentence, the court must look at the overall picture in perspective by considering, firstly, the gravity of the type of offence committed; secondly, the facts in the commission of the offence; thirdly, the presence or absence of mitigating factors, and fourthly, the sentences that have been imposed in the past for similar offences to determine the trend of sentencing policy, if any. E

[20] Di dalam kes *Reg v. JH Sargent* [1975] 60 Cr App R 74, Mahkamah Rayuan England pernah memutuskan: F

> Those classical principles are summed up in four words retribution, deterrence, prevention and rehabilitation. Any judge who comes to sentence ought always to have those for classical principles in mind and to apply them to the facts of the case to see which of them has the greatest importance in the case with which he is dealing. G

[21] Di dalam kes ini mahkamah perlu seimbangkan ciri 'deterrence' dengan ciri 'rehabilitation' di dalam mengenakan hukuman yang setimpal dan berpatutan – "to strike a right balance between the two." Sesuatu hukuman yang berciri "deterrence" bukan sahaja menghalang perayu daripada mengulangi kesalahannya di masa akan datang, tetapi juga perlu menghalang orang lain daripada melakukan kesalahan yang sama; manakala hukuman yang berciri "rehabilitation" bertujuan untuk memulihkan perayu menjadi H I

orang yang baik dan dapat diterima oleh masyarakat selepas menjalani hukuman berkenaan. Dalam pada itu kepentingan kaum keluarga si mati perlu juga diambil kira. Keselamatan masyarakat (public safety) perlu juga diambil kira. Kesalahan yang dilakukan oleh perayu di dalam kes ini, sedikit sebanyak telah menyebabkan 'anxiety and fear' di kalangan masyarakat terutamanya masyarakat setempat.

[22] VT Singham J di dalam kes *PP v. Ahmad Khairul Fa'ais Mat Dahlan & Ors* [2006] 6 CLJ 555 pernah menyatakan:

> The court, in sentencing any prisoner, has an obligation to have regard to the public's expectation of what an appropriate punitive period of imprisonment should be having regard to all the relevant circumstances.

[23] Kesalahan yang dilakukan adalah merupakan suatu kesalahan yang sangat serius. Ia telah menyebabkan kehilangan nyawa. Pergaduhan awal telah pun dileraikan oleh seorang saksi yang melihat pergaduhan tersebut. Perayu telah balik ke rumah, tetapi telah datang semula mencari si mati di tempat kejadian, dengan sebilah gunting di dalam poketnya. Ini merupakan persediaan awal beliau untuk menyebabkan kecederaan serius kepada si mati. Perayu telah menikam sebanyak empat kali ke badan si mati (bukan sekali) dan satu daripada tikaman tersebut telah terkena jantungnya yang akhirnya menyebabkan kematian. Tindakan si mati membaling batu dan terkena di belakang perayu, tidak mencukupi untuk memberi laluan kepada perayu untuk menggunakan sebilah gunting dan menikam si mati sebanyak empat kali. Tindakan tersebut bukan merupakan suatu 'self-defence'. Pokoknya suatu nyawa telah hilang dan pada perayu, nyawa si mati adalah terlalu 'murah'.

[24] Hukuman yang setimpal dalam fakta kes ini ialah suatu tempoh penjara yang agak panjang supaya pihak penjara dapat 'rehabilitate' perayu secukupnya. Orang seperti perayu perlu dipisahkan daripada masyarakat bagi tempoh yang mencukupi untuk proses 'rehabilitation', setelah mengambil kira semua kepentingan yang telah dinyatakan di atas.

[25] Peguam perayu juga menghujahkan bahawa perayu adalah merupakan seorang 'youthful offender' dan pesalah pertama dan dengan itu memohon hukuman yang lebih ringan.

[26] Seperti yang dinyatakan di atas, kesalahan-kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan adalah merupakan suatu kesalahan yang sangat serius – yang melibatkan kehilangan suatu nyawa manusia. Fakta juga menunjukkan kesalahan tersebut bukan dilakukan secara 'innocence' ataupun sebagai 'self-defence'. Perayu telah datang semula mencari si mati dan berlaku pergaduhan sekali lagi di mana perayu telah menggunakan gunting (yang dibawa di dalam poketnya) untuk menikam badan si mati sebanyak empat kali. Oleh itu, walaupun faktor umur dan pesalah pertama boleh dianggap sebagai suatu 'mitigating factor' namun, memandangkan kesalahan yang dilakukan adalah serius dan kepentingan dan keselamatan awam perlu dilindungi, maka faktor umur dan pesalah pertama itu kurang membawa kesan. Faktor kesalahan yang serius dan kepentingan serta keselamatan awam mengatasi kedudukannya.

[27] "If a person is not too young to commit a serious offence under the law then he is not too young to suffer penalties therefore prescribed by the law. If age alone were the sole determining factor in the severity of punishment for the offence committed, and not for not imposing a corrective custodial sentence, then it may be impossible to envisage the horrifying spectacle of the community having on its midst an unrestrained brood of offender of tender year on prowl" (see: *PP v. Teh Ah Cheng* [1976] 1 LNS 116).

[28] Di dalam isu yang sama, Mahkamah ini bersetuju dengan pendapat KN Segara J di dalam kes *PP v. Low Kian Boon & Ors* [2006] 3 CLJ 649 yang menyatakan:

> Serious crimes committed by youth seems to be on the rise and wrong signals would be sent to youths and the public at large into believing that the courts would be ever so indulgent to treat them with kid gloves, should they ever be convicted of such crimes, if deterrent sentences are not meted out to impress upon these youth and like-minded offenders that crime does not pay.

[29] Oleh itu, pertimbangan bahawa perayu berumur 17 tahun 2 bulan (seorang "youthful offender") semasa kesalahan dilakukan dan juga beliau merupakan seorang pesalah pertama tidak dapat menghakiskan pertimbangan kepentingan dan keselamatan awam berkaitan suatu kesalahan yang sangat serius, yang patut dan perlu diberikan keutamaan bagi menetapkan hukuman ke atas perayu.

[30] Begitu juga pertimbangan pengakuan salah (guilty plea) oleh perayu terhadap kesalahan berkenaan. Faktor tersebut juga tidak begitu kuat untuk mengetepikan faktor kepentingan dan keselamatan awam yang telah diperjelaskan di atas. Faktor berkepentingan dan keselamatan awam adalah merupakan pertimbangan yang paling utama dan mendahului pertimbangan-pertimbangan yang lain. Prinsip ini pernah diterima pakai di dalam kes *PP v. Leo Say & 2 Ors* [1985] 2 CLJ 155 di mana telah diputuskan:

> As I have said earlier, all three pleaded guilty. Although they are entitled to some credit for that, it must be set off against the enormity and seriousness of the crime that they have committed.

[31] Di mahkamah ini, kami bersetuju dengan hujahan oleh Timbalan Pendakwa Raya seperti berikut:

> The court should not be over-sympathetic to the Appellant and should also take into consideration the interest of the public especially, the interest of the family of the deceased. Although that the Appellant do not have intention in causing death to the deceased, did the Appellant showed any mercy when he stabbed the deceased 4 times on his chest which one of it causes his death. So, did the Appellant deserve any mercy from the Court when he himself had acted mercilessly against another human being?

[32] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Mohamad Abdullah Ang Swee Kang (supra)* pernah memutuskan bahawa salah satu pertimbangan yang perlu diambil kira di dalam menjatuhkan hukuman ialah "the sentences that have been imposed in the past for similar offences to determine the trend of sentencing policy, if any".

[33] Daripada senarai kes-kes yang melibatkan kesalahan di bawah seksyen yang sama, hitung panjang, kebanyakan kes-kes tersebut melibatkan hukuman di antara 8-14 tahun penjara (berdasarkan hukuman maksima sebelum pindaan iaitu, 20 tahun penjara). Selepas pindaan, hitung panjang hukuman yang dikenakan ialah di antara 15-20 tahun penjara. Berdasarkan tren hukuman yang dikenakan sebelum ini bagi kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan, mahkamah ini berpendapat bahawa hukuman penjara sepuluh tahun yang dikenakan ke atas perayu (berdasarkan hukuman maksimum selepas pindaan ie, 30 tahun penjara) adalah

berpatutan, dan tentunya tidak 'excessive' sama sekali. Mahkamah ini tidak perlu campur tangan untuk mengurangkan hukuman tersebut.

[34] Permohonan perayu untuk menghantar beliau ke Sekolah Henry Gurney di bawah s. 76 Akta Kanak-Kanak 2001 juga tidak bermerit dan tidak bersesuaian setelah mengambil kira fakta di sekeliling terjadinya kesalahan tersebut dan juga faktor kepentingan dan keselamatan awam yang telah dijelaskan di atas.

[35] Pada masa kesalahan terjadi (10 Januari 2010) umur perayu adalah 17 tahun 2 bulan. Pada masa pendengaran rayuan di Mahkamah Rayuan (15 Mei 2012) umur perayu telah pun mencapai 19 tahun 6 bulan. Sekiranya perayu dihantar ke Sekolah Henry Gurney di bawah s. 76 Akta Kanak-Kanak 2001, tempoh tahanannya di situ ialah sehingga perayu mencapai umur 21 tahun. Ini bermakna, sekiranya permohonan beliau dibenarkan, ini bermakna perayu hanya perlu berada di Sekolah Henry Gurney hanya bagi tempoh satu tahun enam bulan sahaja. Selepas itu, beliau akan dibebaskan. Mahkamah ini berpendapat bahawa tempoh satu tahun enam bulan tersebut adalah terlalu singkat dan sangat tidak mencukupi untuk menjalankan proses 'rehabilitation' (pemulihan) yang berkesan ke atas perayu. Atas alasan tersebut mahkamah tidak dapat menunaikan permohonan perayu untuk dihantar ke Sekolah Henry Gurney.

Keputusan

[36] Atas pertimbangan di atas, mahkamah ini berpendapat dan memutuskan rayuan perayu terhadap hukuman yang dikenakan ke atasnya adalah tidak bermerit dan ditolak. Perintah hukuman sepuluh tahun penjara yang dikenakan oleh Mahkamah Tinggi ke atas perayu dikekalkan. Walau bagaimanapun untuk kebaikan dan kebajikan perayu semasa menjalankan hukuman penjara tersebut, mahkamah memerintahkan agar perayu diasingkan atau dipisahkan daripada banduan-banduan dewasa (yang telah melebih 21 tahun) sepanjang tempoh beliau menjalani hukumannya.